

29 JAN 2003

DUA NGO SERU UMAT ISLAM M`SIA SOLAT HAJAT ELAK AMERIKA SERANG IRAQ

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Semua umat Islam di negara ini diminta menunaikan solat hajat beramai-ramai dan bermohon kepada Allah SWT supaya niat buruk Amerika Syarikat (AS) untuk menyerang Iraq, tidak berhasil.

Presiden Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM), Yazid Othman berkata usaha berkenaan tidak terbatas kepada umat Islam, malah semua penduduk Malaysia juga diminta mengadakan upacara yang sama mengikut kepercayaan dan agama masing-masing.

Katanya usaha berkenaan bukan sekadar untuk menghalang niat buruk AS, tetapi juga untuk meminta rejim Israel berhenti daripada terus menzalimi masyarakat Islam Palestin.

"Kita sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan mesti membuat sesuatu untuk menyokong semua usaha keamanan yang dilakukan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad).

"Ini termasuklah menyokong usaha untuk mewujudkan keamanan yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) lain," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Yazid yang juga Ketua Pertubuhan Belia dan Pelajar-Pelajar Berkecuali (NASYO) bagi Asia Timur berkata NASYO dan PWM sentiasa memberi sokongan dan berdiri teguh dalam semua usaha keamanan sejagat yang sering dijayakan oleh Malaysia.

-- BERNAMA
SOP AHH LAT